

APLIKASI KEMAHIRAN KOGNISI DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KARANGAN BAHASA MELAYU DI SJK (CINA) DAERAH SABAK BERNAM

Literature Review: Application of Language Cognition Skills in Teaching and Learning at SJK Sabak Bernam District

Suppiah a/l Nachiappan
suppiah@fpm.upsi.edu.my

Gan Sue Yin
sueyin8313@gmail.com

Sangkari Chandra Sehgar
sangkarichandra@yahoo.com

*Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris Malaysia*

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis cara guru mengaplikasikan kemahiran kognisi dalam pengajaran karangan Bahasa Melayu di SJK (Cina) di daerah Sabak Bernam serta cara murid mempelajarinya. Sampel kajian melibatkan 20 orang murid Tahun 6. Sebanyak 20 teks karangan asal murid telah dikaji dan dianalisis untuk mendapatkan data serta ditranskripsikan menjadi teks kajian. Teks kajian ini dianalisis dengan menggunakan kaedah Hermeneutik untuk menginterpretasi dapatan kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru dapat mengaplikasikan kemahiran kognisi dalam proses pengajaran karangan Bahasa Melayu manakala murid juga telah dapat menguasai kemahiran kognisi dalam penulisan karangan Bahasa Melayu. Implikasi kajian kepada guru ialah guru dapat menggunakan pelbagai kaedah untuk mengaplikasikan kemahiran kognisi dalam proses pengajaran karangan.

Kata kunci: kemahiran kognisi, karangan Bahasa Melayu, kaedah Hermeneutik

ABSTRACT

The purpose of this study is to analyze the way teachers apply cognition skills in the teaching of Bahasa Melayu in SJK (Chinese) in the Sabak Bernam area and the way students learn it. The sample of the study involves 20 pupils from Year 6. A total of 20 texts of the original essay were studied and analyzed to obtain data as well as transcribed into the study text. The text of this study was analyzed using the Hermeneutical method to interpret the findings. The findings show that teachers can apply cognitive skills in the teaching process of Malay language while pupils also have mastered cognition skills in writing Malay language. Implication of the study to teachers is that teachers can use various methods to apply cognition skills in the teaching process.

Keywords: cognition skills, Malay composition, Hermeneutics method.

Pengenalan

Bahasa Melayu merupakan bahasa Kebangsaan dan rasmi negara dalam Fasal 152 Perlembagaan Negara. Dengan itu, Bahasa Melayu telah diajarkan sebagai mata pelajaran wajib dan mata pelajaran teras yang perlu dipelajari pada peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah. Ternyata peranan dan tanggungjawab yang harus dipikul oleh guru-guru Bahasa Melayu amatlah penting dan mencabar. Oleh yang demikian, para guru perlulah melengkapkan dan menyediakan pelajar agar dapat berbahasa dengan cekap dan berkomunikasi dengan cepat.

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu sekolah rendah memberi fokus kepada kemahiran bahasa. Kemahiran bahasa ini merangkumi kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Penulisan karangan merupakan komponen penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah rendah dan sekolah menengah. Menurut Juriah *et al.* (1990), kemahiran menulis karangan merupakan kemahiran bahasa yang sukar untuk dikuasai oleh murid-murid. Kemahiran ini hanya diperolehi melalui pengajaran. Untuk menguasai kemahiran ini, murid-murid perlu menguasai beberapa kemahiran kecil seperti kemahiran tatabahasa, kemahiran perenggan dan sebagainya.

Bagi menghasilkan penulisan yang berkualiti, jelas dan menarik, aspek-aspek penting seperti isi, penyusunan dan gaya bahasa perlu diambil kira. Oleh itu, pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan perlu dilaksanakan dengan berkesan agar penulisan berkualiti dapat dihasilkan.

Pernyataan Masalah

Kemahiran menulis merupakan suatu kemahiran yang sukar dikuasai berbanding kemahiran asas bahasa, iaitu pertuturan (Abdul Aziz Abdul Talib, 1993). Kelemahan murid-murid dalam penulisan karangan berkait rapat dengan teknik pengajaran yang digunakan oleh para guru. Keadaan ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Roselan Baki (2001). Beliau berpendapat bahawa penguasaan ilmu dan kemahiran dalam bidang penulisan dalam kalangan guru Bahasa Melayu masih belum mantap. Kebanyakan guru masih kurang jelas tentang kandungan ilmu penulisan. Tambahan pula, menurut Siti Hajar (2009), isu yang pernah diperkatakan adalah tentang terdapatnya sebilangan pelajar sekolah rendah yang masih tidak menguasai kemahiran berbahasa, terutamanya kemahiran membaca dan menulis walaupun mereka telah menjalani sesi persekolahan selama enam tahun.

Keberkesanan dalam menyampaikan pengajaran penulisan karangan boleh ditingkatkan sekiranya guru dapat menyampaikan ilmu dengan menggunakan kaedah yang betul seperti mengambil kira latar belakang murid menggunakan pendekatan yang baik dan sebagainya. Menurut Che Zanariah (2010), mengajar menggunakan kaedah yang betul dan berkesan menjadi faktor peningkatan pencapaian pelajar dalam penulisan. Pelajar menghadapi masalah untuk memulakan proses menulis karangan apabila kekurangan idea dan menjadikan karangan yang ditulis tidak bermutu.

Penulisan karangan adalah penting dalam kalangan murid dan guru memainkan peranan penting dalam menimbulkan minat mereka terhadap penulisan. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji aplikasi kognisi dalam pengajaran karangan Bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina di SJK (Cina). Dalam kajian ini, pengkaji menyelidik dengan menggunakan kaedah Hermeneutik bagi mengetahui cara guru mengaplikasikan kognisi dalam pengajaran karangan Bahasa Melayu dan cara murid menguasai kognisi dalam proses pembelajaran karangan Bahasa Melayu.

Objektif Kajian

- i. Mengetahui pasti cara guru mengaplikasikan kemahiran kognisi dalam pengajaran karangan Bahasa Melayu di SJK (Cina) di daerah Sabak Bernam.
- ii. Mengetahui pasti cara murid SJK (Cina) menguasai kemahiran kognisi dalam pembelajaran karangan Bahasa Melayu di daerah Sabak Bernam.

Soalan Kajian

- i. Bagaimanakah guru mengaplikasikan kemahiran kognisi dalam pengajaran karangan Bahasa Melayu di SJK (Cina) di daerah Sabak Bernam?

- ii. Bagaimanakah cara murid SJK (Cina) menguasai kemahiran kognisi dalam pembelajaran karangan Bahasa Melayu di daerah Sabak Bernam?

TINJAUAN LITERATUR

Kegagalan menguasai kemahiran menulis mula dibincangkan dan dikaji secara ilmiah sejak tahun 1980-an lagi. Abdul Aziz Abdul Talib (1989) dalam kajiannya menunjukkan bahawa langkah pertama dalam pendekatan mengajar menulis adalah dibina di atas tapak kebolehan bercakap. Pengkaji turut menegaskan bahawa kanak-kanak perlu menguasai frasa-frasa asas, iaitu mereka perlu menguasai perbendaharaan kata yang berkaitan dengan pengalaman harian mereka.

Masalah penulisan karangan murid juga berpunca daripada gaya pengajaran guru di dalam kelas. Hal ini dapat dilihat daripada kajian yang dijalankan oleh Marohaini Yusoff dan Zulkifli Manaf (1997) di mana dapatan menunjukkan bahawa penumpuan guru lebih diberikan kepada hasil karangan daripada proses mengarang. Hal ini ditunjukkan oleh kaedah pengajaran guru yang linear dan pendekatan pengajaran yang menekankan aspek input isi daripada strategi mengarang. Kaedah pengajaran dan pembelajaran seperti ini lebih berorientasi untuk menyediakan pelajar menghadapi peperiksaan dan bukan kepada latihan mempertingkatkan kemahiran mengarang dalam kalangan pelajar.

Aplikasi dan strategi pengajaran penulisan karangan oleh guru juga mempengaruhi hasil penulisan karangan murid. Kajian yang dijalankan oleh Rozita Radhiah Said dan Abdul Rasid Jamian (2012) menunjukkan faktor teknik pengajaran guru menyumbang kepada kelemahan dalam penulisan karangan murid. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengajaran penulisan karangan masih mengekalkan pendekatan tradisional, iaitu guru memberikan segala perincian pelajaran kepada murid dan pengajaran berpusatkan guru masih mendominasi proses pengajaran karangan di dalam bilik darjah.

Kajian Reimer dan Ricole (2001) "*Strategies for Teaching Writing to Primary Students Using the Writing Process*" menyatakan prapenulisan, penulisan, perkongsian, menyemak semula, penyuntingan dan penerbitan adalah strategi yang berjaya digunakan untuk mengajar kanak-kanak untuk menulis. *Mini-lesson* boleh digunakan sebagai salah satu kaedah bagi meningkatkan penulisan karangan kanak-kanak. Selain itu, guru juga perlu menyediakan suasana pengajaran yang kondusif bagi membolehkan murid-murid mendapatkan idea untuk menulis.

Myles (2002) dalam kajiannya "*Second Language Writing and Research: The Writing Process and Error Analysis in Student Tesis*" membincang tentang kelemahan murid dalam penulisan karangan adalah disebabkan oleh kurang pengetahuan mengenai topik karangan, kelemahan dalam penyusunan isi, membuat huraian dalam perenggan dan lemah dari segi penggunaan perbendaharaan kata dan tatabahasa.

Nurul Aisyah *et al.*, (2016) dalam kajiannya menyatakan bahawa pengajaran dan pembelajaran yang kurang menarik juga menjadi faktor yang mempengaruhi dalam penulisan karangan. Perkara ini turut dinyatakan oleh Abdul Jamian (2011) dengan bersetuju bahawa faktor kebolehan dan kreativiti guru dapat mengubah persepsi serta kesedaran bahawa mereka juga mempunyai potensi untuk berjaya dalam pembelajaran.

KAEDAH HERMENEUTIK

Hermeneutik merujuk kepada proses menginterpretasi teks, iaitu mencari makna dalam perkataan yang ditulis. Kaedah ini digunakan sebagai suatu percubaan ke arah mencari makna dalam perkataan yang ditulis atau merekodkan dapatan semasa mengkaji apa yang dikehendakinya. Hermeneutik merupakan sains yang membincangkan tingkah laku manusia melalui kaedah yang sesuai mengikut keadaan masa kini.

Menurut Loganathan (1992), Hermeneutik merupakan sains yang membicarakan tingkah laku manusia melalui metodologi yang sesuai dalam konteks dunia kini. Sains Hermeneutik dianggap sebagai satu inkuiri yang menyiasat dan membongkar misteri yang tersembunyi terhadap tingkah laku manusia.

Kaedah Hermeneutik turut berfokus kepada teks sebagai sumber data, iaitu contoh teks yang terdiri daripada transkrip temu bual, diari, karangan dan lain-lain (Suppiah, 2016). Seseorang individu

itu harus mengingati pengalaman bermakna yang pernah dialaminya mengenai suatu peristiwa yang pernah menimpanya secara langsung dan tidak langsung.

Dalam kaedah Hermeneutik, teks penulisan karangan dianggap sebagai subjek berbentuk lisan atau tulisan yang digunakan untuk memperincikan sesuatu makna yang ingin disampaikan (Suppiah, 2014). Dalam penginterpretasian teks, pembaca cuba melupakan dirinya untuk menstrukturkan pemahaman melalui teks dan seterusnya akan menghasilkan pemahaman baharu menerusi pembacaannya.

Kaedah Hermeneutik menggunakan pendekatan yang bermula dengan teks. Maklumat yang bermakna dalam teks tersebut dikenal pasti dan seterusnya akan digunakan untuk menjana tema atau kategori sekumpulan teks (Suppiah, 2013). Kaedah ini dapat menghalusi makna teks sebagai cara untuk menyampaikan maklumat dan kepercayaan daripada seseorang ke atas orang lain. Namun, penginterpretasian terhadap karya yang dihasilkan adalah berdasarkan andaian yang terdapat dalam karangan dalam konteks penulisan.

Hermeneutik berfokus kepada teks sebagai sumber data, iaitu contoh teks yang terdiri daripada transkrip temu bual, karangan, surat dan sebagainya. Kaedah yang digunakan bermula dengan teks dan seterusnya dikenal pasti informasi yang bermakna dalam teks yang kemudiannya digunakan untuk menjana tema daripada sekumpulan teks itu (Suppiah, 1997; 2003).

REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini adalah berdasarkan reka bentuk kajian kualitatif yang menggunakan kaedah Hermeneutik. Pengkaji akan menganalisis hasil penulisan murid untuk mengkaji dan menganalisis pengaplikasian kognisi dalam pengajaran guru dan penguasaan kognisi dalam kalangan murid SJK (Cina).

PERSAMPELAN

Dalam kajian ini, sampel terdiri daripada 20 orang murid Tahun 6. Sampel ini dipilih dari sebuah SJK (Cina) yang terletak di kawasan luar bandar di daerah Sabak Bernam. Semua sampel terdiri daripada 9 orang murid lelaki dan 11 orang murid perempuan. Sampel-sampel ini dipilih atas persetujuan guru yang mengajar dan murid Tahun 6.

PROSEDUR KAJIAN

Sebelum menjalani kajian, pengkaji telah memungut dan meneliti keputusan ujian bulanan murid bagi mata pelajaran Bahasa Melayu Penulisan. Menerusi langkah ini, pengkaji dapat mengenal pasti tahap pencapaian murid.

Selepas itu, tajuk karangan diberikan dan responden perlu menjawab dalam masa yang ditetapkan oleh pengkaji. Seterusnya, hasil penulisan dianalisis dengan menggunakan kaedah Hermeneutik. Melalui kaedah Hermeneutik, pengkaji dapat menganalisis dan menginterpretasi teks karangan murid dengan terperinci bagi mengesan dan mengenal pasti aplikasi kognisi dalam pengajaran karangan Bahasa Melayu bagi murid-murid Tahun 6. Setelah teks karangan telah selesai dianalisis dan diinterpretasi, pengkaji menghasilkan laporan kajian yang lengkap.

DAPATAN KAJIAN

Soalan kajian 1:

Bagaimanakah guru mengaplikasikan kemahiran kognisi dalam pengajaran karangan Bahasa Melayu SJK (Cina) di daerah Sabak Bernam?

Berdasarkan dapatan kajian, guru Bahasa Melayu di sekolah di daerah Sabak Bernam berjaya menyampaikan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Semasa pengkaji menganalisis karangan yang dihasilkan oleh murid, didapati murid dapat menghasilkan karangan dengan format yang betul, iaitu mempunyai pendahuluan, pemerenggan untuk isi-isi dan penutup. Keadaan ini menunjukkan

murid telah mempunyai asas yang baik untuk menghasilkan karangan. Menerusi pemerhatian dan temu bual ringkas bersama guru, latihan tubi turut diberikan dari masa ke masa bagi membolehkan murid membiasakan diri dengan penulisan. Guru mendapati murid mempunyai kemajuan dan perubahan yang positif. Hal ini dapat dibuktikan menerusi ujian bulanan yang dijalankan di sekolah, sesetengah murid menunjukkan peningkatan daripada penulisan yang lemah kepada sederhana. Selain itu, latihan tubi yang diberikan juga berjaya mengurangkan kesalahan ejaan, tatabahasa dan struktur ayat yang sering dilakukan oleh murid. Selain itu, guru turut menggunakan kaedah peta minda semasa melakukan perbincangan bersama murid. Menerusi penggunaan peta minda, murid dapat mengembangkan idea untuk menghasilkan sebuah karangan. Di samping itu, penggunaan peta minda juga dapat mengelakkan murid mengulang isi yang sama. Tanpa peta minda sebagai rangka karangan, murid kemungkinan akan mengulang isi yang sama dan menjadikan karangan itu tidak menarik.

Namun, masih mempunyai beberapa masalah yang dapat dikenal pasti menerusi dapatan kajian ini. Pengkaji mendapati guru mengajar penulisan karangan dengan kaedah yang lama atau kaedah tradisional, iaitu terikat dengan pemberian isi. Walaupun guru menggunakan peta minda tetapi sebelum memulakan penulisan, guru terlebih dahulu telah membincangkan rangka dan isi yang diperlukan dalam sesebuah karangan itu. Hal ini menyebabkan karangan murid adalah lebih kurang sama dari segi isi dan bahasa yang sama. Selain itu, guru perlulah memberi penekanan kepada penggunaan kosa kata dan tatabahasa bagi membolehkan murid menghasilkan karangan yang mantap. Hal ini dapat dikenal pasti menerusi dapatan kajian, iaitu karangan murid yang mempunyai banyak kesalahan ejaan, tatabahasa, struktur ayat, penggunaan kosa kata yang kurang menarik dan sebagainya.

Di samping itu, guru boleh menggalakkan murid banyak membaca contoh karangan dan memperluaskan bacaan menerusi bahan bacaan luar bagi membolehkan mereka memperoleh idea yang lebih bernas dan bukan hanya terikat dengan isi yang diberikan oleh guru ataupun dalam buku kerja. Misalnya, menerusi pembacaan surat khabar atau Dewan Bahasa, murid dapat memperoleh lebih banyak maklumat dan mempelajari pelbagai perbendaharaan kata yang dapat membantu dalam penulisan karangan mereka. Menerusi pemerhatian dan analisis penulisan karangan murid, kognisi yang disampaikan oleh guru dalam pengajaran karangan ini boleh dipertingkatkan lagi. Guru boleh mempelbagaikan kaedah dan strategi pengajaran karangan Bahasa Melayu ini bagi membolehkan kemahiran kognisi berjaya diaplikasikan di samping menarik minat murid-murid di SJK (Cina) untuk meminati mata pelajaran Bahasa Melayu.

Soalan Kajian 2:

Bagaimanakah cara murid SJK (Cina) di daerah Sabak Bernam menguasai kemahiran kognisi dalam pembelajaran karangan Bahasa Melayu?

Dapatan kajian responden telah dibahagikan kepada dua kategori, iaitu Kategori A dan Kategori B. Kategori A ialah karangan cemerlang manakala Kategori B ialah karangan baik.

a) Murid Kategori A:

Karangan jenis bercerita ini memerlukan murid mencungkil ilmu pengetahuan sedia ada yang telah mereka pelajari sebelum ini dan juga mencungkil pengalaman lepas yang telah dialami oleh murid itu sendiri. Dengan itu, murid dapat menghasilkan karangan dengan mudah tanpa sebarang kekangan kerana mereka dapat mengingat kembali ilmu pengetahuan sedia ada dan pengalaman lepas. Murid dapat menghasilkan karangan yang mempunyai tiga pemerenggan utama, iaitu pendahuluan, isi-isi dan penutup. Dalam pendahuluan, murid dapat menyatakan masa, lokasi dan aktiviti yang dilakukan sebelum bertolak ke rumah nenek. Perenggan isi pula, murid dapat memperkembangkan isi dengan urutan yang baik walaupun mempunyai kesalahan. Manakala perenggan penutup, murid dapat menyatakan perasaan dan nilai murni yang dapat dipelajari oleh mereka menerusi pengalaman ini.

Berdasarkan dapatan kajian, seramai 10 orang murid kategori A dapat menghasilkan karangan yang cemerlang, iaitu menepati tajuk dan kesilapan yang dihasilkan berada pada tahap yang rendah. Keadaan ini menunjukkan mereka telah mengaplikasikan kemahiran kognisi dengan baik dalam penulisan karangan Bahasa Melayu. Namun, masih ada kesalahan yang dapat dikenal pasti dalam karangan murid dalam kategori ini. Antaranya ialah kesalahan ejaan seperti sepatutnya menulis "menumpukan" ditulis "menumpulkan" dan "station" untuk "stesyen". Selain itu, murid juga membuat

kesilapan kerana terpengaruh dengan bahasa ibunda, iaitu “kereta minyak” sepatutnya ditulis “minyak kereta”. Seterusnya, kesalahan struktur ayat seperti “saya terdapat banyak kenderaan di jalan raya”. Ayat seharusnya ditulis seperti “saya mendapati terdapat banyak kenderaan di jalan raya”.

b) Murid Kategori B

Berdasarkan dapatan kajian, terdapat 10 orang murid tergolong dalam kategori B. Murid dalam kategori ini berjaya menghasilkan karangan yang baik dari segi menepati tajuk dan format karangan. Mereka dapat menulis pendahuluan yang ringkas dan tepat, pemerenggan isi-isi yang betul dan dapat mengembangkan isi dengan baik serta penutup yang tepat. Keadaan ini menunjukkan murid dapat menguasai kemahiran kognisi dan memahami apa yang disalurkan oleh guru semasa pengajaran dan pembelajaran. Walaupun mereka dapat menulis karangan dengan baik, tetapi masih mempunyai kesalahan seperti penggunaan kosa kata yang terhad, ayat tidak gramatis, tatabahasa, tanda baca dan sebagainya. Contohnya, kesalahan tanda baca yang dapat dikenal pasti ialah “Selepas, bersarapan kami bertolak ke rumah nenek” sepatutnya “Selepas bersarapan, kami bertolak ke rumah nenek”.

Seterusnya ialah kesalahan dari segi struktur ayat seperti “sebaik sahaja abang sudah tidur di dalam kereta” sepatutnya ditulis “setelah letih abangpun tidur di dalam kereta” dan “tidak selama, ambulans sampai”. Ayat perlu ditulis “tidak lama kemudian, ambulans pun sampai”. Selain itu, terdapat juga kesalahan imbuan, iaitu “bilangan kenderaan semakin menambah di jalan raya”, “menambah” perlu diubah menjadi “bertambah” dan “pihak polis tiba di tempat itu dan mengawal keselamatan jalan raya”, “keselamat” perlu ditulis “keselamatan”. Di samping itu, kesalahan ejaan juga sering dijumpai. Misalnya, “station”, “menumpulkan”, “perlajanan” dan sebagainya. Hal ini berlaku kerana murid tidak membuat semakan setelah selesai menulis sesebuah karangan itu. Murid juga menghadapi masalah dalam penggunaan kata dan kosa kata yang amat terhad. Keadaan ini menyebabkan karangan yang dihasilkan kurang menarik kerana murid sering mengulang perkataan. Murid digalakkan untuk menggunakan perkataan dan kosa kata yang menarik seperti simpulan bahasa bagi membolehkan karangan itu lebih “hidup” dan menarik.

PERBINCANGAN

Kognisi ialah satu proses mental untuk mengetahui, termasuk aspek seperti kesedaran, persepsi, penaakulan dan pengadilan untuk menyelesaikan masalah. Terdapat pelbagai cara yang boleh digunakan oleh guru dalam membolehkan anak murid mereka menghasilkan karangan. Salah satu cara untuk menggalakkan murid menghasilkan penulisan yang baik adalah dengan mempelbagaikan kaedah dan cara pengajaran guru. Para guru perlulah memperbanyakkan kaedah pengajaran bagi menarik minat murid untuk memberi fokus kepada pengajaran dan pembelajaran. Antaranya ialah dengan aktiviti perbincangan kumpulan, main peranan dan sebagainya. Kaedah ini dapat memberi peluang kepada murid untuk berkongsi pendapat dan berinteraksi sesama rakan di samping dapat mencungkil idea yang bernas daripada pemikiran. Hal ini sejajar dengan kajian yang dijalankan oleh Haris Fadzilah Kassim (2002) dan Reimer dan Ricole (2001) yang turut setuju bahawa cara dan gaya pengajaran guru memainkan peranan penting dalam penulisan karangan murid.

Di samping itu, kaedah pengajaran tradisional, iaitu berpusatkan guru yang masih diamalkan di sekolah akan menyebabkan murid-murid terlalu bergantung kepada guru. Kaedah pengajaran tradisional dalam pengajaran karangan Bahasa Melayu merujuk kepada sistem menghafal yang diamalkan oleh guru dengan pemberian pendahuluan, isi-isi dan penutup kepada murid. Hasilnya, karangan yang ditulis oleh murid adalah hampir sama dan tiada perbezaan dari segi format. Kaedah pengajaran tradisional ini masih diamalkan berkemungkinan disebabkan ruang kelas yang terhad menyebabkan guru tidak dapat mempelbagaikan kaedah pengajaran. Menerusi kaedah ini, potensi diri murid tidak dapat dikembangkan, pemikiran mereka yang kreatif turut tidak dapat dicungkil. Dapatan kajian ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Rozita Radhiah Said dan Abdul Rasid Jamian (2012) serta Cheong (2003) yang menyatakan majoriti guru masih menggunakan kaedah tradisional dalam mengajar dalam penulisan dan murid-murid masih bergantung kepada guru. Keadaan ini mengakibatkan murid-murid tidak dapat menghasilkan karangan yang kreatif.

Guru-guru juga boleh mempelbagaikan teknik pengajaran. Teknik pengajaran yang menarik dan interaktif amat berkesan berbanding teknik pengajaran tradisional. Guru boleh menggunakan teknik bercerita, teknik penyoalan dan sebagainya untuk merangsang pemikiran murid. Misalnya, menerusi teknik penyoalan, pemikiran murid dapat dirangsang dengan adanya pelbagai soalan yang dikemukakan oleh guru. Dengan itu, murid dapat menjana pelbagai idea dan guru juga dapat mencungkil pengetahuan sedia ada yang disimpan dalam ingatan mereka. Dapatan kajian ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Abdul Aziz Abdul Talib (2007) yang menyatakan teknik pengajaran tradisional ini menyebabkan topik menjadi tidak menarik, di samping menjadikan murid tidak dapat menumpukan perhatian kepada pengajaran penulisan.

Penggunaan peta minda juga dapat membantu dalam aplikasi kognisi dalam pengajaran karangan Bahasa Melayu. Peta minda merupakan cadangan aktiviti bagi mengkonstruksi ayat topik dan ayat huraian berdasarkan isi yang telah dikenal pasti tentang sesuatu tajuk. Dengan itu, murid dapat mengembangkan isi karangan berdasarkan tajuk. Dalam penggunaan peta minda, murid bebas untuk melukis jenis peta yang mereka sukai, yang penting isi yang dikemukakan itu betul. Kajian ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Baiziela (2009). Pada alaf ini, murid telah digalakkan untuk menggunakan peta *i-think* bagi mempertingkatkan dan membudayakan kemahiran berfikir dalam kalangan murid ke arah menghasilkan murid yang berinovatif pada masa hadapan.

Pengetahuan guru juga memainkan peranan penting dalam pengajaran karangan Bahasa Melayu. Sekiranya seseorang guru itu tidak melengkapkan diri mereka dengan pelbagai ilmu dan pengetahuan, maka amatlah sukar bagi guru itu menyalurkan ilmunya kepada anak didiknya. Masalah guru yang tidak memahami sukatan pelajaran terkini dalam pengajaran kemahiran juga merupakan salah satu faktor yang boleh menjejaskan pencapaian murid dalam kemahiran menulis. Kebanyakan juga masih kurang jelas tentang kandungan ilmu penulisan dan mereka menerapkan pengalaman yang dialami ketika mempelajari penulisan di sekolah dahulu sebagai asas mengajarkan penulisan kepada murid-murid. Pernyataan oleh Che Zanariah dan Fadzilah (2010) yang menyatakan permasalahan dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Melayu, iaitu masalah pengetahuan dan kemahiran guru serta masalah kelemahan murid dalam kemahiran menulis turut mengukuhkan dapatan kajian ini.

Seterusnya, pengajaran guru yang berorientasikan peperiksaan juga perlu dielakkan. Bentuk pengajaran guru perlulah memberi fokus kepada proses menghasilkan karangan dan bukannya tumpuan diberikan kepada hasil mengarang. Penumpuan ini dapat dilihat pada penerangan guru, cara penyemakan guru dan penilaian karangan yang dibuat oleh guru. Kebiasaannya, guru akan memberikan penerangan berbentuk peringatan kepada murid. Contohnya, mengenai jumlah perkataan, tempoh masa dan sebagainya. Aspek dalaman yang melibatkan proses kognisi tentang kerangka yang dapat memberi kesatuan dalam penulisan keseluruhan karangan tidak diberikan oleh sesetengah guru dan ini menyebabkan aplikasi kognisi gagal dalam pengajaran. Dapatan kajian selari dengan kajian yang dilakukan oleh Marohaini Yusoff dan Zulkifli Manaf (1997).

Dorongan daripada guru amatlah penting bagi memastikan murid dapat menguasai bidang penulisan dengan baik. Guru perlulah membantu murid memahami dan mengaplikasikan ilmu pengetahuan yang dicungkil melalui proses penulisan karangan. Kemahiran menulis dapat memberi peluang kepada murid menjadi seseorang yang mempunyai pemikiran yang kreatif. Berdasarkan dapatan kajian, tahap pencapaian murid dibahagikan kepada dua kategori, iaitu cemerlang dan baik. Dapatan kajian menunjukkan murid SJK (Cina) dapat menguasai kognisi dalam pengajaran karangan Bahasa Melayu.

Murid-murid dapat mengaplikasikan kognisi dalam pengajaran karangan Bahasa Melayu dengan mendedahkan diri dengan pelbagai bahan bacaan yang bersesuaian dan berkaitan. Bahan bacaan perlulah dipilih dengan baik bukan sahaja dari segi kesesuaian tema cerita dan perbendaharaan kata, struktur ayat yang baik juga amatlah penting untuk dititikberatkan kerana murid akan meniru atau menghayati sebagai model bahasa mereka. Menerusi pembacaan yang berterusan, hasilnya murid dapat menulis karangan dengan baik tanpa sebarang masalah. Dapatan kajian menunjukkan murid dapat menulis pengalaman semasa kesesakan jalan raya dengan baik kerana sesetengah di antara mereka pernah membaca model karangan berkaitan dengan tajuk itu. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Abdul Aziz Abdul Talib (1989) yang menyatakan bahan bacaan yang bersesuaian amatlah membantu dalam penulisan karangan kanak-kanak.

Selain itu, latihan-latihan karangan yang berterusan juga membantu dalam aplikasi kognisi dalam pengajaran karangan. Murid-murid perlulah diberi latihan yang banyak dalam kemahiran menulis. Hal ini kerana mengarang adalah satu kemahiran yang sukar untuk dikuasai tanpa latihan yang berterusan. Selain daripada latihan yang diberikan oleh guru, murid hendaklah rajin menulis dengan membuat latihan dalam buku kerja penulisan. Setelah latihan dibuat, murid perlulah menghantar kepada guru untuk disemak bagi mengenal pasti kelemahan yang dilakukan. Dalam kajian ini, responden adalah murid tahun 6. Murid telah menyatakan bahawa mereka pada setiap minggu guru memberi latihan penulisan. Abdul Aziz Abdul Talib (1989) juga menyatakan bahawa bagi meningkatkan kemahiran pelajar-pelajar menulis karangan, guru-guru perlulah memberi latihan-latihan mengarang kepada anak muridnya dari masa ke masa. Usaha ini dianggap sebagai satu strategi yang penting bagi tujuan pengajaran dan pemulihan berkaitan dengan kemahiran tersebut.

Seterusnya ialah murid perlulah memahami setiap tajuk yang diberikan oleh guru dengan teliti. Sebelum memulakan penulisan, murid harus memperincikan topik dan membuat rangka karangan dengan kaedah yang bersesuaian. Misalnya, peta minda atau peta *i-think*. Menerusi langkah ini, isu salah tajuk, pengulangan isi, salah pemerenggan dapat dielakkan. Murid perlu mengatasi kelemahan mekanikal ini bagi menghasilkan karangan yang mantap. Dalam kajian ini, dilihat semua murid dapat menulis karangan bertepatan dengan tajuk yang diberi, pemerenggan dan isi yang ditulis juga baik. Kajian yang dilakukan oleh Taylor dan Williams (1983) dan Myles (2002) juga telah membincangkan tentang kelemahan murid dalam penulisan karangan adalah disebabkan oleh kurang pengetahuan mengenai topik karangan, kelemahan dalam penyusunan isi, membuat huraian dalam perenggan dan lemah dari segi penggunaan perbendaharaan kata dan tatabahasa. Di samping itu, murid harus merajinkan diri untuk membuat pembetulan setelah semakan dibuat oleh guru. Setelah pembetulan dibuat, murid hendaklah menghantar kepada guru untuk semakan kedua. Kesalahan seperti ejaan, tatabahasa, struktur ayat perlu dikenal pasti bagi mengelakkan murid mengulangi kesilapan yang sama. Walaupun penulisan karangan sering dikatakan sukar untuk dikuasai, tetapi murid perlu berusaha untuk menjinakkan diri dalam kemahiran ini kerana ia adalah mustahak dalam pendidikan formal dan dalam pengucapan idea dan pendapat yang memerlukan kemahiran bahasa tulisan yang sifat bahasanya adalah formal.

CADANGAN

Kementerian Pendidikan Malaysia boleh menjalankan seminar atau kursus yang bersesuaian untuk meningkatkan profesionalisme guru yang mengajar Bahasa Melayu perlu diadakan dari semasa ke semasa. Melalui seminar atau kursus yang dijalankan, ia dapat membantu guru terutamanya guru yang bukan opsyen untuk menguasai strategi, kemahiran dan teknik untuk diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Pihak pentadbir sekolah perlulah sentiasa membuat pemantauan kepada pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan oleh guru di dalam kelas. Hal ini adalah untuk mengelakkan guru bersikap sambil lewa dan tidak menyampaikan ilmu pengetahuan dengan cara yang betul kepada anak murid mereka. Menerusi pemantauan ini, para guru turut dapat memperbaiki kelemahan mereka dari semasa ke semasa. Dalam pengajaran karangan, guru perlu memeriksa hasil karangan murid dengan teliti. Kesilapan dan kesalahan tatabahasa, struktur ayat, kosa kata dan sebagainya yang dilakukan oleh murid perlulah diberitahu dan diwajibkan untuk membuat pembetulan bagi mengelakkan murid mengulangi kesalahan. Di samping itu, murid-murid hendaklah membaca pelbagai bahan bacaan yang bersesuaian. Menerusi pembacaan, murid akan dapat memperoleh banyak input yang sesuai untuk digunakan dalam penulisan karangan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, hasil dapatan kajian menunjukkan guru berjaya mengaplikasikan kognisi dalam pengajaran karangan Bahasa Melayu manakala murid juga berjaya menguasai kemahiran kognisi dalam pembelajaran karangan Bahasa Melayu. Menurut Juriah *et al.* (1990), kemahiran menulis karangan merupakan kemahiran bahasa yang sukar untuk dikuasai oleh murid-murid. Untuk menguasai kemahiran ini, murid-murid perlulah lebih tekun dan rajin belajar dan bukannya bergantung kepada pengajaran guru di dalam kelas sahaja. Ibu bapa juga hendaklah peka terhadap pembelajaran anak-anak

mereka dan sentiasa menggalakkan anak-anak untuk banyak membaca bahan bacaan luar bagi mempertingkatkan kemahiran menulis.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Talib. (1989). *Pendekatan-Pendekatan Bagi Meningkatkan Kemahiran Pelajar Menulis Karangan: Satu Tinjauan Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Abdul Aziz Talib. (1993). *Langkah-Langkah Permulaan dalam Mengajar Kanak-Kanak Kemahiran Menulis Karangan: Satu Pendekatan*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Abdul Aziz Talib. (2007). *Pedagogi Bahasa Melayu: Prinsip, kaedah dan teknik. Edisi keempat*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Rasid Jamian. (2011). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis bahasa Melayu pelajar-pelajar sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1): 1-12.
- Baiziela Shapiee. (2009). Penggunaan peta minda dalam meningkatkan kemahiran menulis karangan jenis fakta bahasa Melayu murid tahun empat. *Seminar Penyelidikan Tindak IPG KBL*, 1-14.
- Che Zanariah & Fadzilah Abdul Rahman. (2010). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1): 67-87.
- Cheong, W. M. (2003). Teaching creative writing skills to primary school children in Hong Kong: discordance between the views and practices of language teachers. *Creative Edu. Foundation*, 37(2), 77-98
- Haris Fadzilah Kassim. (2002). *Masalah menulis karangan di kalangan pelajar tingkatan empat: Satu kajian kes*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya (tesis Sarjana Pendidikan yang tidak diterbitkan).
- Juriah Long, Raminah Sabran & Sofiah Hamid. (1990). *Perkaedahan pengajaran Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Loganathan, K. (1992). *Hermeneutic Analysis of Discourse*. Thiruvananthapuram: International School of Dravidian Linguistics.
- Marohaini Yusoff & Zulkifli Manaf. (1997). *Bentuk Perakuan dan Pramenulis Karangan Pelajar Tingkatan Empat*. Dipetik dan diperoleh pada 3 Oktober 2016, dari <https://core.ac.uk/download/pdf/12222512.pdf>
- Myles, J. (2002). *Second Language Writing and Research: The Writing Process and Error Analysis in Student Tesis*. TESL-EJ, 6 (2). Dipetik dan diperoleh pada 2 Oktober 2016 dari <http://www.writing.berkeley.edu/tesl-ej/ej22/al.html>.
- Nurul Aisyah Abdullah, Zamri Mohamad & Nor Hazwa Hanum. (2016). Faktor-faktor yang mempengaruhi penulisan karangan Bahasa Melayu pelajar sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(2): 1-9.
- Reimer & Ricole. (2001). *Strategies for Teaching Writing to Primary Students Using the Writing Process*. Dipetik dan diperoleh pada 2 Oktober 2016 dari <http://files.eric.ed.gov/fulltext/ED459471.pdf>
- Roselan Baki. (2001). *Pengajaran dan Pembelajaran Penulisan Bahasa Melayu*. Shah Alam: Karisma Publication Sdn. Bhd.
- Rozita Radhiah Said & Abdul Rasid Jamian. (2012). *Amalan Pengajaran Karangan Guru Cemerlang Di Dalam Bilik Darjah: Kajian Satu Kes Pelbagai Lokasi*. Dipetik dan diperoleh pada 2 Oktober 2016 dari [http://apjee.usm.my/apjee_27_2012/apjee27_2012_art%204%20\(51-68\).pdf](http://apjee.usm.my/apjee_27_2012/apjee27_2012_art%204%20(51-68).pdf)
- Siti Hajar Abdul Aziz. (2009). *Siri pendidikan guru: Bahasa Melayu II*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Suppiah, N. (1997). *Imageri Dalam Esei. Kajian Hermeneutik Esei-Esei Terpilih Pelajar Sekolah Menengah Atas*. Minden: Universiti Sains Malaysia (Tesis Sarjana Pendidikan yang tidak diterbitkan).
- Suppiah, N. (2003). *Proses Kognitif Dalam Penulisan Esei Melalui Analisis Hermeneutik*. Minden: Universiti Sains Malaysia (Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan).
- Suppiah, N. (2013). *Proses Kognisi dan Afeksi. Kaedah Hermeneutik dan Interpretasi*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Suppiah, N. (2014). *Gaya Bahasa dan Proses Kognisi. Kaedah Hermeneutik dan Interpretasi*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Suppiah, N. (2016). *Kaedah Hermeneutik. Kaedah Interpretasi Teks Secara Kualitatif*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Taylor, M. B. & Williams, J. P. (1983). Comprehension of learning disabled reader, task and text variations. *Journal of Educational Psychology*, 75.743-751.